



# **GARIS PANDUAN PERMOHONAN GERAN PERTUBUHAN PRIHATIN KOMUNITI (GPPK) DI BAWAH PERUNTUKAN BAJET 2023**

## **JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN GERAN PERTUBUHAN PRIHATIN  
KOMUNITI (GPPK) DI BAWAH PERUNTUKAN  
BAJET 2023**

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN  
MALAYSIA**

**Perhatian:**

Semua permohonan daripada pertubuhan berdaftar untuk memohon Peruntukan GPPK adalah melalui **Sistem eROSES**.

## 1. PENGENALAN

Kerajaan melalui Bajet 2023 telah meluluskan peruntukan bagi Geran Pertubuhan Prihatin Komuniti (GPPK) kepada Persatuan Penduduk yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) untuk melaksanakan pelbagai aktiviti kesukarelawanan untuk keselamatan komuniti setempat. Objektif utama GPPK ini adalah seperti berikut:

- (a) Meningkatkan tahap keselamatan dalam komuniti;
- (b) Meningkatkan penglibatan pertubuhan dalam hal ehwal keselamatan komuniti setempat;
- (c) Memperkasakan peranan pertubuhan dalam mendepani bencana; dan
- (d) Membudayakan keselamatan tanggungjawab bersama.

## 2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Saringan permohonan akan dibuat di peringkat JPPM Negeri. Permohonan yang **LAYAK** akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian GPPK manakala yang tidak layak, notifikasi pemakluman keputusan akan dimaklumkan kepada pemohon secara atas talian. Berikut merupakan syarat-syarat kelayakan permohonan GPPK:

- (a) Permohonan yang **LAYAK** adalah seperti berikut:
  - i. Pertubuhan yang berdaftar dengan JPPM di bawah Akta Pertubuhan 1966;
  - ii. Pertubuhan bagi kategori Sosial subkategori Persatuan Penduduk;
  - iii. Keutamaan diberikan kepada pertubuhan yang berdaftar **sebelum 31 Disember 2022**;

- iv. Pertubuhan yang berstatus aktif;
- v. Pertubuhan yang menghantar Penyata Tahunan yang lengkap dan teratur;
- vi. Pertubuhan yang mempunyai rekod pengurusan pertubuhan yang baik;
- vii. Keutamaan kepada pertubuhan yang belum pernah menerima apa-apa peruntukan/ geran daripada JPPM dan/ atau mana-mana agensi Kerajaan/ organisasi lain;
- viii. Jumlah peruntukan GPPK adalah sebanyak **RM10,000** sahaja bagi setiap pertubuhan;
- ix. Tempoh perbelanjaan dan pelaksanaan program hendaklah dijalankan **selewat-lewatnya pada 31 Disember 2023**;

(b) Permohonan yang **TIDAK LAYAK** adalah seperti berikut:

- i. Pertubuhan yang berstatus “**Dalam Perhatian**”;
- ii. Pembiayaan bagi tujuan pembelian harta modal/ aset pertubuhan yang tidak menyumbang dan menepati objektif pelaksanaan GPPK;
- iii. Bantuan modal/ pinjaman untuk memulakan perniagaan;
- iv. Pembiayaan melibatkan kos pentadbiran pertubuhan seperti sewaan premis pertubuhan, bil utiliti, yuran langganan, gaji/ elaun pekerja atau kos perjalanan individu untuk menghadiri kursus/ persidangan;
- v. Program yang sedang atau telah dilaksanakan sebelum permohonan diluluskan; dan
- vi. Program berbentuk bantuan ke luar negara.

### 3. PROSEDUR PERMOHONAN

- (a) Permohonan perlu dikemukakan atas nama pertubuhan melalui **Setiausaha Pertubuhan** dan bukan secara individu;
- (b) Permohonan perlu diisi dan dilengkapkan di dalam sistem permohonan GPPK melalui sistem eROSES di alamat [www.eroses.gov.my](http://www.eroses.gov.my) mulai **15 Jun 2023 hingga 30 September 2023** seperti format di **Lampiran A**. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak;
- (c) Pertubuhan yang pernah menerima peruntukan daripada JPPM dan/ atau mana-mana agensi Kerajaan/ organisasi lain perlu menyatakan tahun dan jumlah peruntukan yang diterima;
- (d) Permohonan lengkap akan diteliti dan diproses di peringkat JPPM Negeri untuk pertimbangan Jawatankuasa Penilaian GPPK;
- (e) Keputusan adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Penilaian GPPK dan ia adalah **MUKTAMAD**;
- (f) Pertubuhan boleh mengemukakan semula permohonan baharu sekiranya permohonan terdahulu ditolak;
- (g) Keputusan permohonan boleh disemak di dalam sistem eROSES dalam tempoh **lima (5) hari bekerja** selepas Jawatankuasa Penilaian GPPK bersidang;
- (h) Penyaluran peruntukan GPPK bagi permohonan yang berjaya akan disalurkan dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** dari tarikh pemakluman keputusan; dan
- (i) Carta alir permohonan GPPK boleh dirujuk seperti di **Lampiran B**.

#### 4. PROSEDUR SELEPAS PERMOHONAN DILULUSKAN

- (a) Jawatankuasa Penilaian GPPK akan mengesahkan senarai pertubuhan-pertubuhan yang telah diluluskan pemberian GPPK;
- (b) Senarai kelulusan penyaluran peruntukan akan diserahkan kepada JPPM Negeri untuk urusan pembayaran;
- (c) Pertubuhan yang berjaya hendaklah membuat perbelanjaan dan melaksanakan program **selewat-lewatnya** pada **31 Disember 2023**;
- (d) Laporan Pelaksanaan GPPK perlu disediakan secara atas talian dalam **Bahasa Melayu** ke dalam sistem eROSES beserta bukti perbelanjaan dan dokumen sokongan yang disahkan.
- (e) Garis Panduan Pelaporan Pelaksanaan GPPK dan Templat Penyediaan Laporan adalah seperti di **Lampiran C** dan **Lampiran D**.
- (f) Pertubuhan yang **gagal** mengemukakan laporan akan **disenarai hitam untuk tempoh dua (2) tahun** dan tidak akan dipertimbangkan untuk menerima apa-apa peruntukan di bawah JPPM pada masa akan datang; dan
- (g) Pemantauan dan semakan ke atas pertubuhan akan dilaksanakan oleh JPPM Negeri mengikut keperluan.

#### 5. PROSEDUR PENYALURAN PERUNTUKAN GPPK

- (a) Peruntukan GPPK akan disalurkan ke akaun pertubuhan yang diperakui dalam Sistem eROSES setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian GPPK;
- (b) Peruntukan GPPK akan disalurkan ke dalam akaun yang didaftarkan di atas nama pertubuhan sahaja, manakala akaun yang didaftarkan di bawah nama persendirian/ individu adalah tidak dibenarkan; dan

- (c) Pemakluman mengenai penyaluran peruntukan GPPK yang telah disalurkan akan dibuat melalui Sistem eROSES. Pihak **pertubuhan hendaklah mengesahkan penerimaan** bayaran melalui Sistem eROSES dalam **tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh pemakluman.**

## 6. SKOP PELAKSANAAN GPPK

6.1 Skop pelaksanaan GPPK meliputi pelbagai aktiviti kesukarelawanan untuk komuniti setempat. Jumlah peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak **RM10,000 sahaja** bagi setiap pertubuhan.

6.2 Pelaksanaan GPPK akan menumpukan kepada dua (2) komponen iaitu:

### (a) Pembelian Peralatan Keselamatan

- (i) Pembelian peralatan keselamatan yang dibenarkan adalah maksimum sebanyak **RM5,000 sahaja**;
- (ii) Setiap pertubuhan dibenarkan untuk membuat pembelian peralatan yang menepati objektif pelaksanaan GPPK dalam aspek keselamatan komuniti setempat;
- (iii) Antara senarai pembelian peralatan keselamatan yang dibenarkan adalah seperti berikut:
  - a. Lampu suluh
  - b. Wisel
  - c. Jaket Keselamatan
  - d. Topi Keselamatan
  - e. Kon Keselamatan
  - f. *Hailer Speaker*
  - g. *Walkie Talkie*
  - h. Pemadam Api
  - i. *Emergency Glow Stick*
  - j. Baton
  - k. CCTV
  - l. *Link Fencing*

*Nota: Surat kebenaran agensi/ jabatan bagi peralatan yang memerlukan kebenaran atau kelulusan khas dari pihak berkuasa yang berkaitan perlu dilampirkan bagi tujuan pembelian beserta justifikasi pembelian.*

*Contoh: Drone oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) atau pembinaan pagar oleh Jabatan Kerja Raya (JKR)*

**(b) Program Keselamatan Komuniti**

(i) Pelaksanaan program GPPK hendaklah dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan/ Agensi Keselamatan Kerajaan yang dikenal pasti dengan mengambil pertimbangan seperti berikut:

- Pelaksanaan program kerjasama pintar dan strategi dengan pihak berkepentingan yang ditetapkan oleh Kerajaan;  
*(Contoh: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan lain-lain)*
- Program memberi faedah dan manfaat kepada aktiviti kesukarelawanan untuk keselamatan komuniti dan masyarakat secara menyeluruh; dan
- Program yang memberi impak dan *outcome* yang tinggi kepada komuniti setempat dalam jangka masa panjang.

(ii) Komponen program keselamatan adalah seperti berikut:

- a. Program Keselamatan Komuniti melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM5,000 sahaja **ATAU** sehingga RM10,000; dan
- b. Pertubuhan perlu melaksanakan program yang bersesuaian dengan objektif untuk meningkatkan tahap kesedaran komuniti dalam aspek keselamatan.



- (ii) Antara Program Keselamatan Komuniti yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut:
- a. Program Pencegahan Jenayah:
    - Meningkatkan pengetahuan berkenaan kaedah yang sesuai dalam pencegahan jenayah; dan
    - Memberi kesedaran kepada komuniti tentang peranan komuniti dalam mencegah jenayah dan meningkatkan tahap keselamatan.
  - b. Program Keselamatan Komuniti:
    - Memberi kefahaman dan kesedaran dalam mencegah dan mengawal denggi atau seumpamanya; dan
    - Membentuk komuniti yang cakna akan kebersihan persekitaran, kesihatan dan keselamatan jalan raya.
  - c. Program Komuniti Bebas Dadah:
    - Memberi kesedaran mengenai penyalahgunaan dadah kepada komuniti; dan
    - Memberi kesedaran dan pendedahan tentang bahaya dadah.
  - d. Program Pencegahan Kebakaran:
    - Mempelajari langkah keselamatan ketika menghadapi situasi kebakaran; dan
    - Memberi pendedahan tentang pencegahan kebakaran dan bantuan awal ketika kebakaran.

- e. Program Bantuan Awal Kecemasan dan Program Pengurusan Bencana:
  - Mempelajari kaedah-kaedah yang sesuai ketika berlakunya kecemasan;
  - Meningkatkan pengetahuan tentang kepentingan pertolongan awal semasa berlaku kecemasan; dan
  - Latihan secara amali dalam aspek pengurusan menghadapi bencana.
  
- (iii) Program Keselamatan Komuniti yang perlu dilaksanakan dengan kerjasama jabatan/ agensi seperti berikut:
  - a. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
  - b. Polis Diraja Malaysia (PDRM);
  - c. Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM);
  - d. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK);
  - e. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA);
  - f. Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM); atau
  - g. Jabatan/ Agensi keselamatan yang bersesuaian.
  
- (iv) Perbelanjaan pelaksanaan program yang dibenarkan adalah merangkumi perkara-perkara berikut:
  - a. Kos pentadbiran program:
    - Bahan Kursus:
      - Alat tulis
      - Bahan bercetak
    - Sijil;
    - Publisiti;
    - Bayaran/ saguhati penceramah; dan
    - Lain-lain

b. Kos Makan dan Minum:

- Kadar bagi penyediaan makanan dan minuman untuk melaksanakan program adalah seperti berikut:

<b>Perkara</b>	<b>Kadar Maksimum (seorang)</b>
Jamuan ringan (minum pagi atau petang)	RM 8
Makan tengah hari/ malam	RM 15

c. Kos Bayaran Tempat Pelaksanaan Program

- Pertubuhan perlu melaksanakan program di dalam lokaliti penduduk setempat yang bersesuaian dengan kaedah program yang ingin dilaksanakan seperti di dewan orang ramai, balai raya dan lain-lain; dan
- Pelaksanaan program di **hotel adalah tidak dibenarkan.**

**FORMAT BORANG PERMOHONAN**

**PERUNTUKAN  
GERAN PERTUBUHAN PRIHATIN KOMUNITI  
(GPPK)**

**KEPADA**

**PERSATUAN PENDUDUK**

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN  
MALAYSIA**

**Perhatian:**

Borang permohonan Peruntukan GPPK boleh diakses melalui **Sistem eROSES**.

## BORANG PERMOHONAN GPPK

BAHAGIAN A		MAKLUMAT PERSATUAN	
A1	Nama Pertubuhan	:	
A2	Alamat Surat-Menyurat	:	
A3	No. PPM	:	
A4	No. Tel Bimbit/ No. Tel Pejabat	:	
A5	Emel	:	
A6	Nama Bank Persatuan	:	
A7	No. Akaun Bank Persatuan	:	
A8	Pernah/ Tidak Pernah menerima geran dari JPPM.	:	
A9	Jika YA sila nyatakan tahun program dan jumlah yang pernah diterima Pertubuhan	:	

*(Sertakan salinan muka depan buku akaun bank persatuan)*

BAHAGIAN B		KOMPONEN PELAKSANAAN GPPK		
------------	--	---------------------------	--	--

BIL	PERKARA	HARGA (RM)	BILANGAN (UNIT)	JUMLAH (RM)
A.	<b>PEMBELIAN PERALATAN KESELAMATAN – maksimum RM 5,000 sahaja</b> Contoh: Peralatan keselamatan penduduk – jaket keselamatan, suluh, peralatan kebakaran- pemadam api dan lain-lain) sila gunakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi dan muat naik Sila rujuk garis panduan untuk penerangan lanjut.			
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
<b>JUMLAH</b>				

**Nota:** *Sebarang pembelian peralatan keselamatan yang memerlukan kebenaran Jabatan/ Agensi Penguatkuasa dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu dimuatnaik sebagai dokumen sokongan.*

PROGRAM KESELAMATAN KOMUNITI					
B.	<b>SKOP PROGRAM:</b> (i) Program Pencegahan Jenayah (ii) Program Keselamatan Komuniti (iii) Program Komuniti Bebas Dadah (iv) Program Pencegahan Kebakaran: (v) Program Bantuan Awal Kecemasan dan Program Pengurusan Bencana (vi) Lain-Lain (sila nyatakan justifikasi selain program di atas) _____		<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> / <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>		
	<b>PROGRAM DENGAN KERJASAMA:</b> (i) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); (ii) Polis Diraja Malaysia (PDRM); (iii) Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM); (iv) Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK); (v) Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA); (vi) Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM); atau (vii) Lain-Lain Jabatan/ Agensi keselamatan yang bersesuaian (Sila nyatakan) _____		<input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>		
	<b>BUTIRAN PROGRAM</b>				
(i) NAMA PROGRAM: (ii) TARIKH: (iii) TEMPAT: (iv) BILANGAN PESERTA: (v) RINGKASAN PROGRAM:					
BIL	PERBELANJAAN PELAKSANAAN PROGRAM	HARGA (RM)	BILANGAN (UNIT)	JUMLAH (RM)	
1	<b>KOS BAYARAN PENTADBIRAN PROGRAM:</b> (i) Bahan Kursus a. Bahan bercetak b. Alat tulis (ii) Sijil (iii) Publisiti (iv) Bayaran/ Saguhati Penceramah				
2	<b>KOS MAKAN &amp; MINUM</b>				
3	<b>KOS BAYARAN TEMPAT PROGRAM (hotel tidak dibenarkan)</b>				
4	<b>LAIN-LAIN (sila gunakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi)</b>				
5	<b>ANGGARAN HARGA LAIN-LAIN</b>				
<b>JUMLAH</b>					

**AKUAN PERSETUJUAN AJK**

**Sila nyatakan perbincangan AJK telah dilakukan dan keputusan dicapai berserta tempat dan tarikh perbincangan dilakukan**

Contoh: Dengan ini saya mengaku bahawa perbincangan dibuat bersama Pengerusi, Timbalan Pengerusi Dan Bendahari pada 10 Julai 2023 secara atas talian dan di dalam perbincangan tersebut, Pengerusi bersetuju untuk kami memohon peruntukan GPPK sebanyak RM 10,000.

Dengan ini saya mengaku bahawa maklumat pertubuhan yang diberikan dalam borang ini adalah benar, betul dan lengkap. Sekiranya saya didapati memberikan maklumat tidak benar atau palsu, saya boleh disabitkan kesalahan dibawah Seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga (3) tahun dan boleh juga dikenakan denda.

**Nota: Maksimum komponen pembelian peralatan keselamatan adalah RM5,000 sahaja. Manakala Program Keselamatan Komuniti melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM5,000 sahaja ATAU sehingga RM10,000.**

# CONTOH PENGISIAN BORANG PERMOHONAN GPPK

## BORANG PERMOHONAN GPPK

BAHAGIAN A		MAKLUMAT PERSATUAN	
A1	Nama Pertubuhan	:	PERSATUAN PENDUDUK KAMPUNG ULU JELEBU
A2	Alamat Surat-Menyurat	:	LOT 1, KG GEPU, ULU JELEBU
A3	No. PPM	:	PPM-001-05-10101995
A4	No. Tel Bimbit/ No. Tel Pejabat	:	011-14753899
A5	Emel	:	<a href="mailto:anakjelebu@hotmail.com">anakjelebu@hotmail.com</a>
A6	Nama Bank Persatuan	:	Maybank
A7	No. Akaun Bank Persatuan	:	155069245698
A8	Pernah/ Tidak Pernah menerima geran dari JPPM.	:	YA
A9	Jika YA sila nyatakan tahun program dan jumlah yang pernah diterima Pertubuhan	:	Tahun 2019 dengan peruntukan yang diterima sebanyak RM10,000.00
<i>(Sertakan salinan muka depan buku akaun bank persatuan)</i>			

BAHAGIAN B		KOMPONEN PELAKSANAAN GPPK		
BIL	PERKARA	HARGA (RM)	BILANGAN (UNIT)	JUMLAH (RM)
A.	<b>PEMBELIAN PERALATAN KESELAMATAN – maksimum RM 5,000 sahaja</b> <b>Contoh: Peralatan keselamatan penduduk – jaket keselamatan, lampu suluh, peralatan kebakaran- pemadam api dan lain-lain)</b> <b>sila gunakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi dan muat naik</b> <b>Sila rujuk garis panduan untuk penerangan lanjut.</b>			
1	LAMPU SULUH	15	30	450
2	WISEL	3	30	90
3	WALKIE TALKIE	500	4	2,000
4	HAILER SPEAKER	45	3	135
5	PEMADAM API	42.50	2	90
6	JAKET KESELAMATAN	105	7	735
7				
8				
<b>JUMLAH</b>		<b>RM 3,500</b>		

**Nota: Sebarang pembelian peralatan keselamatan yang memerlukan kebenaran Jabatan/ Agensi Penguatkuasa dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu dimuatnaik sebagai dokumen sokongan.**



PROGRAM KESELAMATAN KOMUNITI																			
<p><b>B.</b></p>																			
<p><b>SKOP PROGRAM:</b></p> <p>(vii) Program Pencegahan Jenayah            (viii) Program Keselamatan Komuniti            (ix) Program Komuniti Bebas Dadah            (x) Program Pencegahan Kebakaran:            (xi) Program Bantuan Awal Kecemasan dan Program Pengurusan Bencana            (xii) Lain-Lain (sila nyatakan justifikasi selain program di atas)</p> <hr/> <p><b>PROGRAM DENGAN KERJASAMA:</b></p> <p>(i) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);            (ii) Polis Diraja Malaysia (PDRM);            (iii) Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM);            (iv) Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK);            (v) Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA);            (vi) Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM); atau            (vii) Lain-Lain Jabatan/ Agensi keselamatan yang bersesuaian (Sila nyatakan)</p> <hr/>					<table border="1" style="width: 100%; height: 100px;"> <tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td></tr> <tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td></tr> <tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td></tr> <tr><td style="width: 20px; height: 20px; text-align: center;">/</td></tr> <tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td></tr> <tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td></tr> <tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td></tr> <tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td></tr> <tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td></tr> <tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td></tr> </table>								/						
/																			
<b>BUTIRAN PROGRAM</b>																			
<p>(vi) NAMA PROGRAM: Program Kesedaran Pencegahan Kebakaran Bersama Penduduk Kg Sarin            (vii) TARIKH: 15 Ogos 2023            (viii) TEMPAT: Dewan Terbuka Kg Ulu Jelebu            (ix) BILANGAN PESERTA: 100 Peserta, 20 Urus Setia dan Penceramah            (x) RINGKASAN PROGRAM:            Program Kesedaran Pencegahan Kebakaran merupakan program yang akan dianjurkan bersama Persatuan Penduduk Ulu Jelebu dan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Kuala Klawang. Melalui program seperti ceramah dan demonstrasi mengenai kepentingan dan kesedaran bahaya kebakaran dapat menambahkan pengalaman dan pengetahuan punca-punca kebakaran, mengelakkan kebakaran berlaku dan menyelamatkan diri jika berlaku kebakaran.</p>																			
BIL	PERBELANJAAN PELAKSANAAN PROGRAM	HARGA (RM)	BILANGAN (UNIT)	JUMLAH (RM)															
1	<p><b>KOS BAYARAN PENTADBIRAN PROGRAM:</b></p> <p>(v) Bahan Kursus            c. Bahan bercetak            d. Alat tulis            (vi) Sijil            (vii) Publisiti            (viii) Bayaran/ Saguhati Penceramah</p>	7 3 3 300 100	120 120 120 2 4	840 360 360 600 400															
2	<b>KOS MAKAN &amp; MINUM</b>	23	130	2,990															
3	<b>KOS BAYARAN TEMPAT PROGRAM (hotel tidak dibenarkan)</b>			950															
4	<b>LAIN-LAIN (sila gunakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi)</b>																		
5	<b>ANGGARAN HARGA LAIN-LAIN</b>																		
<b>JUMLAH</b>		<b>RM6,500</b>																	

**AKUAN PERSETUJUAN AJK**

**Sila nyatakan perbincangan AJK telah dilakukan dan keputusan dicapai berserta tempat dan tarikh perbincangan dilakukan**


Dengan ini saya mengaku bahawa perbincangan dibuat bersama Pengerusi, Timbalan Pengerusi Dan Bendahari pada 10 Julai 2023 secara atas talian dan di dalam perbincangan tersebut, Pengerusi bersetuju untuk kami memohon peruntukan GPPK sebanyak RM 10,000.

/

Dengan ini saya mengaku bahawa maklumat pertubuhan yang diberikan dalam borang ini adalah benar, betul dan lengkap. Sekiranya saya didapati memberikan maklumat tidak benar atau palsu, saya boleh disabitkan kesalahan dibawah Seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai tiga (3) tahun dan boleh juga dikenakan denda.

**Nota: Maksimum komponen pembelian peralatan keselamatan adalah RM5,000 sahaja. Manakala Program Keselamatan Komuniti melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM5,000 sahaja ATAU sehingga RM10,000.**

CARTA ALIR PERMOHONAN GPPK



**GARIS PANDUAN PELAPORAN**  
**PELAKSANAAN**  
**GERAN PERTUBUHAN PRIHATIN KOMUNITI**  
**(GPPK)**

**JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN**  
**MALAYSIA**

**Perhatian:**

Pelaksanaan komponen hanya boleh dilaksanakan setelah peruntukan GPPK diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian GPPK.

## LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM

- (a) Pertubuhan bertanggungjawab untuk mengemukakan Laporan Pelaksanaan Program kepada pihak JPPM Negeri setelah program selesai. Panduan penyediaan Laporan Pelaksanaan Program adalah seperti **Lampiran D**.
- (b) Pertubuhan yang **gagal** mengemukakan laporan akan **disenarai hitam untuk tempoh dua (2) tahun** dan tidak akan dipertimbangkan untuk menerima apa-apa peruntukan di bawah JPPM pada masa akan datang;
- (c) Laporan Pelaksanaan GPPK perlu disediakan secara atas talian dalam **Bahasa Melayu**. Bukti perbelanjaan dan dokumen sokongan yang disahkan perlu dimuatnaik ke dalam sistem eROSES; dan
- (d) Pemantauan dan semakan ke atas pertubuhan akan dilaksanakan oleh JPPM Negeri mengikut keperluan.

## PEMANTAUAN/ PEMERHATIAN

- (a) JPPM mempunyai hak memantau perkembangan dan perjalanan program untuk memastikan pertubuhan tidak menyalahgunakan peruntukan yang disalurkan.
- (b) JPPM berhak untuk meminta apa jua maklumat tambahan daripada pihak pertubuhan bagi tujuan permohonan peruntukan ini.
- (c) Pada masa yang sama, JPPM juga boleh pada bila-bila masa mengadakan pemeriksaan bernois atau tanpa notis terhadap pertubuhan.

## TEMPLAT PENYEDIAAN LAPORAN PELAKSANAAN GPPK

### 1. NAMA PERTUBUHAN

- (a) Nama Pertubuhan: Persatuan Penduduk Kampung Ulu Jelebu  
 (b) No.Pendaftaran: PPM-001-05-10101995

### 2. BUTIRAN PROGRAM

Nama Program: Program Kesedaran Pencegahan Kebakaran Bersama Penduduk Kampung Ulu Jelebu  
 Tarikh: 15 Ogos 2023  
 Masa: 8 pagi sehingga 3 petang  
 Tempat: Dewan Terbuka Kampung Ulu Jelebu  
 Bilangan Peserta: 100 peserta, 20 Urus Setia dan Penceramah

### 3. JUMLAH PERUNTUKAN

Peruntukan yang diterima: RM 10,000

### 4. PERBELANJAAN SEBENAR BAGI SETIAP KOMPONEN

#### A. Kos Pembelian Peralatan

BIL	PERKARA	HARGA (RM)	BILANGAN (UNIT)	JUMLAH (RM)
1	WISEL	15	30	450
2	WALKIE TALKIE	3	30	90
3	HAILER SEPAKER	500	4	2,000
4	PEMADAM API	45	3	135
5	JAKET KESELAMATAN	42.50	2	90
6	LAMPU SULUH	105	7	735
		<b>RM 3,500</b>		

## B. Kos Perbelanjaan Program

BIL.	PERBELANJAAN PROGRAM	HARGA (RM)	BILANGAN (UNIT)	JUMLAH (RM)
1	MAKAN MINUM	130	23	2990
2	KOS PENTADBIRAN			
	• BAHAN KURSUS	120	7	840
	• SIJIL	120	3	360
	• PUBLISITI	120	3	360
	• BAYARAN SAGUHATI/ PENCERAMAH	2	300	600
		4	100	400
3	SEWA TEMPAT			950
	<b>JUMLAH</b>			<b>6,500</b>

## 6. PROGRAM/ AKTIVITI

Program: Program Kesedaran Pencegahan Kebakaran Bersama Penduduk Kampung Ulu Jebebu



## 7. KESIMPULAN

Program yang dianjurkan oleh Persatuan Penduduk Kampung Ulu Jelebu bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Kuala Klawang dapat meningkatkan pengetahuan tentang pemahaman dalam kalangan komuniti tentang aspek-aspek keselamatan di kawasan kejiranan setempat. Selain itu, program ini juga dapat memberikan pendedahan kepada komuniti dalam aspek pencegahan dan mengawal kebakaran. Program ini juga dapat meningkatkan kesedaran komuniti setempat dalam mewujudkan persekitaran yang selamat dari situasi kebakaran.



Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)  
Aras 8 & 9, Blok D7, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62546 Putrajaya, MALAYSIA.

[www.ros.gov.my](http://www.ros.gov.my)